

Pesilat paling handa akan dipilih Sabtu ini

ENCIK SILAT

3

SEBANYAK 18 kumpulan pesilat dan 27 pesilat perseorangan, akan beradu untuk merebut gelaran-gelaran juara dalam Pesta Silat Singapura tahun ini, anjuran Persekutuan Silat Singapura (Persisi).

Mereka akan diadili oleh tiga pengadil, masing-masing dari Singapura, Malaysia dan Indonesia dan pertandingan akan diadakan pada 25 dan 26 Disember.

Sementara pengadil dari Malaysia sudah dinamakan iaitu Dr Hashami Bohari dari Persatuan Senisilat Dipo-Woojo, Selangor, nama para pengadil Indonesia dan Singapura akan diumumkan kemudian.

Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke India yang juga menjadi presiden Persisi, Haji Yaacob Mohamad, akan merasmikan pesta itu pada 8.00 malam, 25 Disember ini di Dewan Badminton Singapura, Guillemard Road.

Kecekapan

Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari H.M. Urip, memberi jaminan bahawa pesta kali ini adalah lebih hebat dari pesta-pesta lalu kerana semua pesertanya boleh dikatakan cukup bersedia sama ada dari segi kemahiran ataupun kecekapan jasmani.

Menurut beliau, kesemua 27 peserta itu telah lulus ujian kecekapan jasmani yang telah dijalankan dengan kerjasama Majlis Sukan Singapura (SSC).

Encik Johari selanjut-

nya menambah bahawa pesta tahun ini akan tambah menarik lagi dengan adanya demonstrasi oleh lapar orang pesilat dari Persatuan Senisilat Dipo-Woojo Selangor.

Para pesilat undangan ini akan diketuai oleh Yang DiPertua persatuan itu, Dr Hashami Bohari, dan mahagurunya, Encik Muhamad Judi.

Pesta tahun ini akan dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu bahagian Olahraga Silat dan Silat Kesenian.

Bahagian Olahraga Silat akan disertai oleh 18 orang pesilat lelaki dan sembilan orang peserta wanita. Mereka terpilih dari sejumlah 159 orang yang mengambil bahagian dalam peringkat separuh akhir pada Ahad lalu (19 Disember).

Terpilih

Dalam bahagian Silat Kesenian pula, sebanyak 18 buah kumpulan akan mengambil bahagian dan mereka terpilih dari 30 kumpulan yang bertarung dalam peringkat separuh akhir.

Sementara itu tiket-tiket berharga \$2 setiap satu boleh dibeli di kedai buku Haji Hashim Geylang Serai dan Arab Street atau menerusi Encik Johari di Blok 10, 2731-F, Eunus Crescent, telefon 7458669.

Mereka juga boleh membeli tiket-tiket menerusi Encik Ismaon Haji Ali di Blok 1, 88-F, Spottiswoode Park, telefon 2204541 atau menerusi Encik A. Rahim Dayan di Blok 723, 180-L, Clementi West Street 2, telefon 7751343.